



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN BAGI PRODUK MAKANAN DAN BAHAN BERSENTUHAN MAKANAN

GARIS PANDUAN PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN BAGI PRODUK MAKANAN DAN BAHAN BERSENTUHAN MAKANAN

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan prosedur ini adalah untuk menguruskan tatacara pengeluaran Sijil Kesihatan bagi Produk Makanan dan Bahan Bersentuhan Makanan yang komprehensif bagi memastikan makanan dan bahan bersentuhan makanan yang dieksport mematuhi keperluan negara pengimport.
- 1.2 Ia juga bagi menyeragamkan aspek teknikal permohonan dan prosedur pengeluaran Sijil Kesihatan bagi Produk Makanan dan Bahan Bersentuhan Makanan.
- 1.3 Pengeluaran Sijil Kesihatan bagi pengeksportan makanan tertentu perlu juga merujuk kepada prosedur khas mengikut keperluan.

2. SYARAT-SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN

- 2.1 Permohonan bagi Sijil Kesihatan boleh dibuat di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)/ Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB)/ Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) atau Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) seperti berikut:
 - a) Permohonan bagi konsainan produk yang mempunyai pensijilan *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau *Accredited Certification Body* (ACB) boleh dibuat di daerah/bahagian/kawasan di mana premis pemprosesan berada atau konsainan disimpan atau di mana-mana dengan syarat PKD/PKB/PKK atau JKN yang menerima permohonan perlu mengesahkan status pensijilan HACCP dari KKM atau ACB bagi konsainan tersebut dari PKD/PKB/PKK atau JKN di mana premis pemprosesan berada.
 - b) Permohonan bagi konsainan produk yang tidak mempunyai pensijilan HACCP dari KKM atau ACB perlu dibuat di PKD/PKB/PKK atau JKN di mana konsainan disimpan.
- 2.2 Senarai ACB dan skop akreditasi ACB untuk pensijilan HACCP boleh disemak di laman web Jabatan Standard Malaysia.

- 2.3 Permohonan oleh syarikat yang berdaftar di negara ini:
- a) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana agensi yang berkaitan.
 - b) Premis pemprosesan berdaftar dengan KKM secara *online* melalui laman sesawang <http://fosimdomestic.moh.gov.my>.
 - c) Premis pemprosesan mempunyai lesen pengilangan atau kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau surat pengesahan dari mana-mana agensi kerajaan.
- 2.4 Permohonan adalah untuk produk makanan manusia (*for human consumption*) dan bahan bersentuhan makanan untuk kegunaan manusia sahaja. Produk yang dipohon **sudah sedia** untuk dieksport.
- 2.5 Maklumat destinasi, kaedah pengangkutan dan pintu masuk negara pengimport telah diketahui.
- 2.6 Premis pemprosesan perlu **melaksanakan Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM)** sekurang-kurangnya Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) atau mengikut keperluan yang ditetapkan oleh negara pengimport.
- 2.7 Sekiranya produk tiada pensijilan HACCP dari KKM atau ACB, pemeriksaan premis perlu dijalankan ke atas premis pemprosesan dan premis penyimpanan di mana konsainan berada. **Pemeriksaan premis/audit verifikasi yang terkini hendaklah dalam tempoh enam (6) bulan sebelum pengeluaran Sijil Kesihatan.**
- 2.8 **Pihak syarikat bertanggungjawab untuk memastikan produk tidak dieksport sebelum Sijil Kesihatan dikeluarkan. Sijil Kesihatan tidak akan dikeluarkan untuk konsainan yang telah berlepas.**
- 2.9 Pemohon yang memperolehi bekalan daripada pengilang dan/atau pembungkus (sama ada di Malaysia atau di luar negara) melalui *contract manufacturing*, atau menjalankan *trading* atau ejen pengedaran perlu mengemukakan dokumen sokongan seperti di klausa 3.3(a) dan sijil PJKM pengilang/pembungkus tersebut.
- 2.10 Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam klausa 2.9, Sijil Kesihatan **tidak akan dikeluarkan bagi produk import** bagi tujuan

pengeksporan semula ke negara lain **tanpa melalui sebarang aktiviti pemprosesan.**

- 2.11 Pengeluaran Sijil Kesihatan bagi produk yang **melalui *transshipment* tanpa sebarang pemprosesan** adalah tidak dibenarkan.
- 2.12 Sijil Kesihatan boleh dikeluarkan bagi produk yang diklasifikasikan sebagai produk makanan di negara pengimport tetapi diklasifikasikan sebagai produk farmaseutikal di Malaysia bersama dokumen sokongan seperti:
- a) Surat sokongan dari Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bahawa produk telah didaftarkan dengan NPRA;
 - b) Surat/ dokumen rasmi dari *Competent Authority* negara pengimport yang menyatakan produk tersebut diklasifikasikan sebagai makanan di negara pengimport.
- 2.13 Sijil Kesihatan boleh dikeluarkan bagi tujuan pendaftaran produk di negara pengimport mengikut prosedur Sijil Kesihatan yang sedia ada. Pemohon perlu mengemukakan surat rasmi yang menyatakan bahawa Sijil Kesihatan dimohon bagi tujuan pendaftaran produk di negara pengimport dan bukannya untuk tujuan pengeksporan.
- 2.14 Bagi pengeluaran Sijil Kesihatan untuk tujuan bukan komersil/sendiri, pensampelan adalah dikecualikan tetapi keputusan analisis (CoA) perlu dikemukakan bagi setiap produk makanan dan memenuhi kriteria berikut:
- a) Terkini atau tidak melebihi 6 bulan dari tarikh permohonan.
 - b) Makmal yang diiktiraf oleh KKM.
 - c) Mematuhi keperluan negara pengimport.
 - d) Sekiranya tiada keperluan negara pengimport, produk makanan tersebut perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Makanan 1985 atau *Standard Codex Alimentarius*.
 - e) Standard industri boleh diterima pakai sekiranya keperluan bagi produk makanan tersebut tidak dinyatakan di klausa 2.14(c) atau 2.14(d).
- 2.15 Pengeluaran Sijil Kesihatan adalah berdasarkan kepada keperluan negara pengimport. Sebarang pernyataan atau perakuan kesihatan

(*health attestation*) boleh diletakkan di dalam Sijil Kesihatan sekiranya ia adalah keperluan negara pengimport dengan syarat:

- a) Permohonan perlu memberikan bukti bahawa penambahan pernyataan atau perakuan kesihatan (*health attestation*) tersebut adalah kehendak pengimport atau negara pengimport.
 - b) Mematuhi keperluan yang ditetapkan oleh negara pengimport.
 - c) Bagi permohonan Sijil Kesihatan untuk produk tanpa sijil HACCP KKM atau ACB, sampel diambil dan dihantar untuk analisis bagi tujuan pengesahan (sekiranya berkaitan).
 - d) Bagi permohonan Sijil Kesihatan untuk produk yang mempunyai sijil HACCP KKM atau ACB, keputusan analisis (sekiranya berkaitan) dari makmal yang diiktiraf oleh KKM perlu dikemukakan bersama borang permohonan untuk tujuan pengesahan.
- 2.16 Bagi produk yang mempunyai sijil HACCP KKM yang **telah tamat tempoh**, Sijil Kesihatan akan dikeluarkan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dengan syarat surat kelayakan mendapat kemudahan pengeluaran Sijil Kesihatan dari Seksyen Pensijilan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM dikemukakan bersama.
- 2.17 Untuk pengeksportan produk makanan yang memerlukan penyenaiaan/kelulusan di negara pengimport, Sijil Kesihatan hanya dikeluarkan sekiranya premis pemprosesan/*trader* tersebut telah disenaraikan/diluluskan oleh negara pengimport tersebut.

3. PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan perlu dikemukakan dengan menggunakan Borang Permohonan Sijil Kesihatan dan Bahan Bersentuhan Makanan seperti di **Lampiran 1** bersama Senarai Semak Permohonan Sijil Kesihatan dan Bahan Bersentuhan Makanan seperti di **Lampiran 2**. Pemohon perlu mengisi borang tersebut dengan lengkap.
- 3.2 Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan adalah seperti berikut :
 - a) Salinan pengakuan perbadanan syarikat persendirian (Borang 9 atau 13) daripada SSM atau mana-mana agensi yang berkaitan.

- b) Sebarang dokumen yang membuktikan syarikat beroperasi dengan sah di premis pemohon dari agensi kerajaan yang berkaitan seperti lesen pengilangan atau lesen perniagaan.
- c) Salinan sijil atau slip pendaftaran premis dari KKM.
- d) Jenis parameter dan standard bagi setiap parameter yang perlu dianalisis mengikut keperluan negara pengimport (sekiranya ada).
- e) Salinan sijil PJKM seperti HACCP/ *Good Manufacturing Practice* (GMP)/ MeSTI atau yang berkaitan dengannya.

3.3 Dokumen-dokumen lain yang berkaitan, sekiranya perlu/berkaitan:

- a) Surat pelantikan/ perakuan sebagai agen pengedaran/ *contract manufacturer* daripada kedua-kedua pihak (pemohon dan pengilang/pembungkus).
- b) Perakuan pengkelasan produk *Food-Drug Interphase* (FDI) dari NPRA yang menyatakan produk tidak dikawal oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD).
- c) Surat sokongan dari NPRA bahawa produk didaftarkan dengan NPRA dan surat/dokumen rasmi dari *Competent Authority* negara pengimport yang menyatakan produk tersebut diklasifikasikan sebagai makanan di negara pengimport. (Bagi produk yang diklasifikasikan sebagai produk makanan di negara pengimport tetapi diklasifikasikan sebagai produk farmaseutikal di Malaysia).
- d) Surat rasmi daripada pemohon yang menyatakan bahawa Sijil Kesihatan dimohon adalah bagi tujuan pendaftaran produk di negara pengimport dan bukannya untuk tujuan pengeksportan.
- e) Salinan Lesen Punca Air dari KKM (bagi produk air mineral semulajadi dan air minuman berbungkus).
- f) Surat daripada pemohon yang menyatakan produk yang dieksport adalah untuk tujuan bukan komersial/ sendiri.
- g) Salinan sijil analisis (CoA) bagi permohonan Sijil Kesihatan untuk tujuan bukan komersial/ sendiri.
- h) Lain-lain dokumen.

- 3.4 Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon untuk dilengkapi.
- 3.5 Carta alir pengeluaran Sijil Kesihatan adalah seperti di **Lampiran 3, 4 dan 5.**

4. FI SIJIL KESIHATAN

4.1 Fi untuk Sijil Kesihatan adalah seperti berikut:

PERKARA	FI (per sijil)
a) Sijil Kesihatan bagi produk makanan dan bahan bersentuhan makanan tanpa sijil HACCP KKM atau ACB	RM 300.00
b) Sijil Kesihatan bagi produk makanan dan bahan bersentuhan makanan yang mempunyai sijil HACCP KKM atau ACB	RM 100.00

- 4.2 Satu sijil boleh mengandungi **maksimum 25 produk.**
- Maklumat produk makanan boleh dicetak pada kedua-dua belah muka surat dalam satu sijil.
 - Sekiranya menggunakan muka surat belakang sijil, senarai produk terakhir perlu dicop dengan cop rasmi PKD/PKB/PKK atau JKN yang mengeluarkan sijil.
- 4.3 Bayaran fi perlu dibuat mengikut tatacara kewangan (Arahan Perbendaharaan) seperti ditetapkan oleh PKD/PKB/PKK atau JKN yang mengeluarkan sijil.
- 4.4 Bayaran fi Sijil Kesihatan perlu dikemukakan bersama permohonan Sijil Kesihatan. Bayaran fi tidak akan dikembalikan setelah permohonan diproses.
- 4.5 Sebarang pindaan kepada Sijil Kesihatan yang disebabkan oleh kesilapan pemohon atau di atas permintaan pihak/negara pengimport akan dikenakan fi seperti yang dinyatakan di klausa 4.1. Sijil Kesihatan yang asal perlu dikembalikan semula ke PKD/PKB/PKK atau JKN yang mengeluarkan sijil tersebut sebelum Sijil Kesihatan yang baru dikeluarkan.

- 4.6 **Sebarang pindaan/ pembetulan** di atas Sijil Kesihatan asal yang telah dicetak adalah **tidak dibenarkan**.
- 4.7 Sekiranya Sijil Kesihatan hilang, pihak pemohon perlu mengemukakan surat rasmi dan salinan laporan polis kepada PKD/PKB/PKK atau JKN yang mengeluarkan sijil tersebut semasa membuat permohonan gantian Sijil Kesihatan. Fi seperti yang dinyatakan di klausa 4.1 akan dikenakan ke atas gantian Sijil Kesihatan.

5. PENSAMPELAN DAN ANALISIS MAKMAL

- 5.1 Pensampelan bagi tujuan pengeluaran Sijil Kesihatan perlu dilakukan **mengikut keperluan negara pengimport** untuk setiap konsainan.
- 5.2 Pensampelan perlu dijalankan di daerah di mana konsainan tersebut berada oleh PKD/PKB/PKK atau JKN di mana permohonan dibuat.
- 5.3 Pensampelan dikecualikan bagi produk makanan yang mempunyai sijil HACCP dari KKM atau ACB dan masih dalam tempoh sah laku. Verifikasi perlu dijalankan ke atas sijil HACCP dari KKM atau ACB bagi memastikan ia merujuk kepada produk yang berkaitan.
- 5.4 Pensampelan masih perlu dijalankan bagi produk makanan yang mempunyai HACCP dari KKM atau ACB termasuk:
- a) Pengeksportan produk makanan ke negara pengimport tertentu yang ditetapkan dari semasa ke semasa;
 - b) Konsainan pernah ditolak oleh negara pengimport;
 - c) Berlaku pelanggaran bagi produk makanan tersebut di negara pengimport;
 - d) Berlaku pelanggaran keputusan analisis sampel produk dalam Program Pemantauan Eksport bagi premis pemprosesan yang terlibat; atau
 - e) Lain-lain.
- 5.5 Sekiranya pensampelan perlu dijalankan, kos penghantaran ke makmal dan kos analisis adalah ditanggung oleh pemohon.
- 5.6 Pemohon adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan jenis parameter dan standard bagi setiap parameter yang perlu dianalisis mengikut keperluan negara pengimport.

- a) Sekiranya tiada keperluan negara pengimport, produk makanan tersebut perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Makanan 1985 atau *Standard Codex Alimentarius*.
 - b) Standard industri boleh diterima pakai sekiranya keperluan bagi produk makanan tersebut tidak dinyatakan di dalam keperluan negara pengimport, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 atau *Standard Codex Alimentarius*.
- 5.7 Pensampelan **boleh dikecualikan** di dalam keadaan-keadaan tertentu mengikut budibicara pegawai yang mengeluarkan sijil di PKD/PKB/PKK atau JKN, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- a) Pensampelan makanan berkenaan dari kelompok (*batch*) yang sama pernah dilakukan dalam jangka masa 6 bulan dan didapati memuaskan.
 - b) Tidak terdapat apa-apa bukti atau keraguan bahawa keselamatan dan kualiti makanan tersebut telah merosot mulai dari tarikh pensampelan makanan yang pernah dilakukan sebelumnya.
- 5.8 Sampel yang diambil perlu dihantar ke makmal yang diiktiraf oleh KKM. Senarai makmal yang diiktiraf oleh KKM boleh diperolehi di laman sesawang <http://fsq.moh.gov.my/v6/xs/page.php?id=104>
- 5.9 Pemohon perlu mengemukakan laporan analisis makmal kepada pegawai yang menjalankan pensampelan dengan segera selepas mendapat laporan analisis tersebut daripada makmal.
- 5.10 Pensampelan atau analisis semula tidak dibenarkan untuk kelompok (*batch*) produk yang sama atau sampel yang sama sekiranya terdapat pelanggaran keputusan.

6. PEMERIKSAAN PREMIS

- 6.1 Pemeriksaan kepatuhan terhadap Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 perlu dijalankan ke atas:
- a) Premis pemprosesan bagi **produk yang tidak mempunyai pensijilan HACCP dari KKM atau ACB** dan
 - b) **Premis penyimpanan** di mana konsainan disimpan.

- 6.2 Bagi tujuan pengeluaran Sijil Kesihatan, **markah premis pemprosesan atau premis penyimpanan hendaklah 85%** dan ke atas.
- 6.3 Sekiranya premis pemprosesan berada di daerah berlainan dari daerah di mana permohonan dibuat, PKD/PKB/PKK atau JKN di mana permohonan dibuat perlu memaklumkan secara bertulis (surat/ emel) kepada PKD/PKB/PKK atau JKN di mana premis pemprosesan berada bagi menjalankan pemeriksaan.
- 6.4 Pemeriksaan premis dijalankan dengan menggunakan Borang Pemeriksaan Premis Makanan Berasaskan Risiko.
- 6.5 Merujuk kepada klausa 2.6, verifikasi PJKM akan dijalankan bagi pemohon yang tidak mempunyai salinan sijil PJKM berdasarkan keperluan pensijilan MeSTI atau keperluan yang ditetapkan oleh negara pengimport. Sijil Kesihatan hanya dikeluarkan untuk premis pemprosesan yang melaksanakan PJKM sekurang-kurangnya MeSTI atau PJKM yang ditetapkan oleh negara pengimport.

7. TEMPOH MASA PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN

- 7.1 Sijil Kesihatan dikeluarkan dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** dari **tarikh terima permohonan lengkap** bagi produk **yang mempunyai** pensijilan HACCP dari KKM atau ACB.
- 7.2 Sijil Kesihatan dikeluarkan dalam tempoh **19 hari bekerja** dari **tarikh terima permohonan lengkap** bagi produk yang **tiada** pensijilan HACCP dari KKM atau ACB.
- 7.3 Sijil Kesihatan dikeluarkan dalam tempoh **19 hari bekerja** dari **tarikh terima permohonan lengkap** bagi produk yang mempunyai pensijilan HACCP dari KKM atau ACB **sekiranya pensampelan adalah diperlukan.**
- 7.4 Pemohon perlu mengemukakan permohonan Sijil Kesihatan sebelum tarikh pelepasan konsainan **tidak kurang** daripada tempoh masa bagi mengeluarkan Sijil Kesihatan.

- 7.5 Pemohon bertanggungjawab mengemukakan dokumen yang lengkap semasa permohonan supaya Sijil Kesihatan dapat dikeluarkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 7.6 Pemohon bertanggungjawab menghantar sampel ke makmal dan mengemukakan keputusan analisis kepada PKD/PKB/PKK atau JKN dengan segera bagi mengelakkan kelewatan dalam pengeluaran Sijil Kesihatan.

8. TEMPOH SAH LAKU SIJIL KESIHATAN

- 8.1 Tempoh sah laku bagi Sijil Kesihatan adalah **tiga (3) bulan** dari tarikh Sijil Kesihatan tersebut dikeluarkan. Tempoh tersebut perlu dinyatakan pada sijil.
- 8.2 Di dalam keadaan tertentu, pegawai yang mengeluarkan sijil boleh menentukan tempoh sah laku Sijil Kesihatan dengan syarat pemohon menunjukkan bukti yang munasabah yang memerlukan tempoh sah laku Sijil Kesihatan diubah.

9. PENGHANTARAN BORANG PERMOHONAN

- 9.1 Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dokumen-dokumen yang telah ditetapkan hendaklah dihantar ke PKD/PKB/PKK atau JKN seperti yang dinyatakan dalam klausa 2.1.

10. PENGGANTUNGAN/ PEMBATALAN SIJIL KESIHATAN

- 10.1 Pihak Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia berhak membuat keputusan agar Sijil Kesihatan tidak dikeluarkan atau dibatalkan, atau menggantung pengeluaran Sijil Kesihatan bagi kes-kes tertentu (*case by case*) termasuk
- a) maklumat permohonan dan dokumen sokongan didapati tidak tepat/palsu;
 - b) tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini;
 - c) pelanggaran keputusan analisis sampel produk dalam Program Pemantauan Eksport bagi premis pemprosesan yang terlibat (Sijil

Kesihatan tidak akan dikeluarkan untuk *batch* yang didapati melanggar standard negara pengimport dan penggantungan pengeluaran Sijil Kesihatan boleh dikenakan); atau
d) tidak mematuhi keperluan negara pengimport

11. PEMALSUAN/ REPLIKASI SIJIL KESIHATAN

- 11.1 Pemohon tidak boleh memalsukan Sijil Kesihatan, mengubah maklumat dalam Sijil Kesihatan atau membuat replikasi Sijil Kesihatan.
- 11.2 Kementerian Kesihatan Malaysia berhak membuat laporan polis atau mengenakan tindakan penggantungan/ pembatalan Sijil Kesihatan ke atas mana-mana pihak yang memalsukan, mengubah maklumat atau membuat replikasi Sijil Kesihatan.

12. PENGECUALIAN

- 12.1 Pihak Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia boleh memberi kebenaran atau pengecualian ke atas garis panduan bagi kes-kes tertentu (*case by case*).



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH**

**BORANG PERMOHONAN SIJIL KESIHATAN BAGI PRODUK MAKANAN DAN BAHAN
BERSENTUHAN MAKANAN /
APPLICATION FORM FOR HEALTH CERTIFICATE FOR FOOD PRODUCTS AND FOOD
CONTACT MATERIALS**

Jenis Sijil Kesihatan/Type of Health Certificate (Sila tanda (√) / Please tick (√)):

<input type="checkbox"/>	Makanan Am (<i>General Food</i>)
<input type="checkbox"/>	Daging Yang Diproses Haba (<i>Heat Processed Meat</i>)
<input type="checkbox"/>	Udang Beku Yang Telah Dimasak (<i>Frozen Cooked Prawns</i>)
<input type="checkbox"/>	Air Minuman Berbungkus (<i>Bottled Drinking Water</i>)
<input type="checkbox"/>	Air Mineral Semulajadi (<i>Bottled Mineral Water or Spring Water</i>)
<input type="checkbox"/>	Minyak Makan Kelapa Sawit, Palm Olein dan Palm Stearin (<i>Edible Palm Oil, Palm Olein and Palm Stearin</i>)
<input type="checkbox"/>	*Sarang Burung Walit ke China (<i>Edible Bird's Nest to China</i>)
<input type="checkbox"/>	*Health Certificate for Fish and Fishery Products Intended for Export From Malaysia to the People's Republic of China
<input type="checkbox"/>	*Susu dan Hasilan Tenusu ke China (<i>Milk and Dairy Product to People's Republic of China</i>)
<input type="checkbox"/>	* Durian Pulp dan Pes Sejukbeku ke China (<i>Frozen Durian Pulp & Paste to China</i>)
<input type="checkbox"/>	Bahan Bersentuhan Makanan (<i>Food Contact Material</i>)
<input type="checkbox"/>	* Health Certificate for Export of Aquatic Animals and Their Products Intended for Retail Use/Food Service to Canada
<input type="checkbox"/>	* Veterinary Health Certificate for Exports of Fishery Products Intended for Human Consumption to The Republic of Turkey
<input type="checkbox"/>	Health Certificate for Export of Products of Aquatic Animal Origin to The Kingdom of Saudi Arabia (KSA)
<input type="checkbox"/>	Sijil Kesihatan ke Negara Gulf Cooperation Council (GCC)
<input type="checkbox"/>	Health Certificate for Dairy Products Exported to the Republic of Korea from Malaysia
<input type="checkbox"/>	Health Certificate for Processed Egg Products Exported to the Republic of Korea from Malaysia
<input type="checkbox"/>	Susu dan Hasilan Tenusu ke Taiwan (<i>Milk and Milk Product to Taiwan</i>)
<input type="checkbox"/>	Gelatin Gred Makanan dan Hasilannya ke Taiwan (<i>Food Grade Gelatin and Its Derivatives to Taiwan</i>)
<input type="checkbox"/>	Kerang-Kerangan ke Taiwan (<i>Shellfish to Taiwan</i>)
<input type="checkbox"/>	Health Certificate For Prawns and Prawn Meat for Human Consumption to Australia

*Sila rujuk kepada SOP yang berkaitan sebelum membuat permohonan
(Kindly refer to the related SOP before submitting your application)

Tujuan Permohonan (*Reason for Application*):

Eksport (*Export*)

Bukan komersial (*Non-commercial*)

*Tidak melibatkan penjualan produk/ Without sale of product

A. Maklumat Pemohon/ Particulars of Applicant	
1.1 Nama Pemohon (<i>Name of Applicant</i>)	
1.2 No. Kad Pengenalan/ Passport (<i>NRIC/Passport Number</i>)	
1.3 Nama dan Alamat Syarikat (<i>Name and Address of Company</i>)	
1.4 No. Tel (<i>Tel. No.</i>)	1.5 No. Faks (<i>Fax No.</i>)
1.6 No. H/P (<i>H/P No.</i>)	1.7 Alamat E-mel (<i>Email address</i>):
1.8 Alamat surat-menyurat jika berlainan dengan 1.3 (<i>Correspondence Address (if different from 1.3)</i>)	
1.9 No. Pendaftaran Premis dengan KKM (<i>Registration number of food premise with Ministry of Health</i>) (<i>Sila lampirkan salinan sijil atau slip pendaftaran/ Please attach a copy of the registration certificate or slip</i>)	
1.10 No. Pendaftaran Syarikat (<i>Company Registration Number (ROC)</i>) (<i>Sila lampirkan salinan sijil/ Please attach copy of the certificate</i>)	
1.11 No Lesen PBT/ Lesen Pengilangan/ Lesen Perniagaan (<i>Local Authority Licence Number or Manufacturer Licence/ Business Licence</i>) (<i>Sila lampirkan salinan lesen/Please attach copy of the licence</i>)	
1.12 Nombor pendaftaran/ kelulusan dengan negara pengimport (cth China, Vietnam) (sekiranya berkaitan). <i>Registration/ approval number from importing countries eg. China, Vietnam if applicable</i>	
1.13 Nama dan alamat pengeksport /konsainor (<i>Name and address of exporter/consignor</i>)	
1.14 Nama dan alamat pengimport /konsaini (<i>Name and address of importer/consignee</i>)	
1.15 Nama dan alamat premis pemprosesan (<i>Name and address of processing establishment</i>)	
1.16 Nama dan alamat Pembungkus (<i>Name and address of Packer</i>)	

1.17 Nama dan Alamat Gudang Penyimpanan (jika berkaitan) (<i>Nama and address of Warehouse, if applicable</i>)	
1.18 Tempat Pensampelan (<i>Sampling Point</i>)	
BAGI PERMOHONAN SIJIL KESIHATAN AIR MINUMAN BERBUNGKUS DAN AIR MINERAL SEMULAJADI	
1.19 Jenis botol (<i>Type of bottled water</i>)	
1.20 No. Kelompok (<i>Batch No</i>)	1.21 Tarikh luput (<i>Expiry date</i>)
BAGI PERMOHONAN SIJIL KESIHATAN DAGING DIPROSES HABA	
1.22 No. Pengenalan (Lak) (<i>Identification No.</i>)	
B. Maklumat Pengangkutan / Particulars of Transport	
1.23 Tarikh Pelepasan (<i>Date of Departure</i>) :	1.24 Pelabuhan Pelepasan (<i>Port of Shipment</i>):
1.25 Destinasi (<i>Destination</i>):	
1.26 Cara Pengangkutan (<i>Means of Transport</i>): Kapal (Vessel) <input type="checkbox"/> Kapal terbang (<i>Flight</i>) <input type="checkbox"/> Trak/Lori (<i>Truck/Lorry</i>) <input type="checkbox"/> Lain-lain (<i>Others</i>) <input type="checkbox"/> sila nyatakan (<i>please specify</i>).....	
1.27 Nama Kapal (<i>Name of Vessel</i>)	1.28 Nombor Penerbangan/ Number Pendaftaran Trak (<i>Flight Number/ Truck Registration Number</i>)
1.29 Nombor Konsainan / Kontena (<i>Consignment / Container No.</i>)	1.30 Nombor Kelompok (<i>Batch Number</i>)
1.31 Nombor Seal (<i>Seal No.</i>)	1.32 Nilai Eksport (<i>Export Value</i>): RM _____

C. Maklumat Konsainan/ Description of Consignment

Sila isi ruangan yang berkenaan dan gunakan helaian yang berlainan jika diperlukan (Please fill in related space and use separate sheet if required)

C1. Maklumat Am / General Information

Bil (No)	Nama Produk (Name of Product)	Nama Biasa (Common Name)	Cop dagang/ (Trademark)	Kuantiti (Quantity)/ Saiz (Size)	Berat (Net weight) (kg/ tonnes)	Tarikh pemrosesan (Production date)

C2. Maklumat Pemrosesan dan Sumber Bahan Mentah / Information on Processing and Source of Raw Material
(Untuk permohonan Sijil Kesihatan Ikan dan Hasilan Ikan/ For application of Health Certificate for Fish and Fishery Products)

Bil (No)	Produk (Name of Product)	Nama Biasa (Common Name)	Spesis (Species)	Jenis Pemrosesan (Processing Type)	Mod Pengeluaran (Production Mode)	# Jenis penyakit yang berkaitan (Type of Related Disease)	# Jenis Produk – akuakultur atau tangkapan (Type of Product – aquaculture or wild catch)		Negara asal (Country of origin)
							Nama & Tempat Ladang Akuakultur (Name And Area Of Aquacultured Product)	Kawasan Tangkapan atau No. Kapal Tangkapan (Catch Area or Catch Vessel No.)	

Bagi permohonan Sijil Kesihatan Bagi Ikan dan Hasilan Ikan ke China dan Kanada (For the application of Health Certificate for Fish and Fishery Product to China and Canada)

C3. Maklumat Pemprosesan dan Sumber Bahan Mentah / Information on Processing and Source of Raw Material
 (Untuk permohonan Sijil Kesihatan bagi Pengeksportan Sarang Burung Walit ke China/ For application of Health Certificate for Export of Edible Bird's Nest to China)

Bil (No)	Nama rumah Burung/ Pemilk (Name of Bird House/ Owner)	Alamat Rumah Burung (Address of Bird House)	Nombor Pendaftaran Rumah Burung dengan DVS (Registration No of Bird House with DVS)	Nama dan Alamat Middleman (jika berkaitan) (Nam and Address of Middleman)(if applicable)	Nombor Pendaftaran Middleman dengan DVS (Registration No of Middleman with DVS)

C4. Maklumat Pemprosesan dan Sumber Bahan Mentah / Information on Processing and Source of Raw Material
 (Untuk permohonan Sijil Kesihatan bagi Pengeksportan Durian Pulp dan Pes Sejukbeku ke China/ For application of Health Certificate for Export of Frozen Durian Pulp & Paste to China)

Bil (No)	Nama dan Alamat Ladang Durian (Name and Address of Durian Farm)	No Pendaftaran Ladang Durian oleh Jabatan Pertanian Malaysia Untuk Tujuan Pengeksportan ke China (Registration Number of Durian Farm from DOA for Export to China)	Nama dan Alamat Middleman (jika berkaitan) (Nam and Address of Middleman)(if applicable)	Tarikh Penerimaan Durian (Date of Receiving Durian)	Kuantiti Durian Diterima (kg) (Receiving Quantity)(kg)

D. Perakuan Pemohon/ Declaration of Applicant

Saya / I,, (Nama Pemohon) (Name of Applicant)

dengan ini mengaku bahawa kesemua maklumat dan dokumen yang dikemukakan untuk permohonan ini adalah benar.

hereby, declare that all the information and document submitted for this application is true.

Tarikh / Date :

Cop syarikat / Company stamp

.....

Nama dan Tandatangan pemohon/ Name and Signature of applicant

E. STATUS PERMOHONAN/STATUS OF APPLICATION

No. rujukan / Reference. No.:

Tarikh terima / Date of receipt:

Status permohonan/ Status of Application:

i. Terima / Accept

ii. Tolak / Reject

Diluluskan oleh/ Approved by

Nama/Name :

Tarikh/Date :



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
SENARAI SEMAK PERMOHONAN SIJIL KESIHATAN BAGI PRODUK
MAKANAN DAN BAHAN BERSENTUHAN MAKANAN

Bil	Perkara	Ada (✓) / Tiada (X)		Catatan
		Kegunaan Pemohon	Kegunaan Pejabat	
a.	Borang Permohonan (KKM-HC/2020/00)			
b.	Salinan Pendaftaran Perniagaan Syarikat			
c.	Sebarang dokumen yang membuktikan syarikat beroperasi dengan sah di premis pemohon dari agensi kerajaan yang berkaitan seperti lesen pengilangan atau lesen perniagaan			
d.	Salinan Sijil atau Slip Pendaftaran Premis dari KKM			
e.	Jenis parameter dan standard bagi setiap parameter yang perlu dianalisis mengikut keperluan negara pengimport (sekiranya ada)			
f.	Salinan sijil Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) seperti HACCP/GMP/MeSTI atau yang berkaitan dengannya.			
g.	Surat pelantikan/ perakuan sebagai agen pengedaran/ <i>contract manufacturer</i> daripada kedua-dua pihak (jika berkaitan)			
h.	Perakuan pengkelasan produk FDI dari NPRA yang menyatakan produk tidak dikawal oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah.			
i.	Surat sokongan dari NPRA bahawa produk didaftarkan dengan NPRA dan surat/dokumen rasmi dari <i>Competent Authority</i> negara pengimport yang menyatakan produk tersebut diklasifikasikan sebagai makanan di negara pengimport (jika berkaitan)			
j.	Surat rasmi daripada pemohon yang menyatakan bahawa Sijil Kesihatan dimohon adalah bagi tujuan pendaftaran produk di negara pengimport dan bukannya untuk tujuan pengeksporan (jika berkaitan)			
k.	Salinan Lesen Punca Air dari KKM (jika berkaitan)			
l.	Surat rasmi daripada pemohon yang menyatakan produk dieksport adalah untuk tujuan bukan komersial/ sendiri (jika berkaitan)			
m.	Salinan keputusan analisis (CoA) untuk permohonan untuk tujuan bukan komersial/ sendiri (jika berkaitan)			
n.	Lain-lain dokumen (jika berkaitan, nyatakan)			

Status:

Lengkap

Tidak Lengkap

Catatan:

Pemohon

Nama pemohon:

Nama syarikat :

Tandatangan :

Tarikh :

Disemak oleh

Nama pegawai :


Jawatan :

Tandatangan :

Tarikh :


LAMPIRAN 3

CARTA ALIR PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN (TANPA SIJIL HACCP DARI KKM ATAU ACB)




Nota
¹ Seperti di klausa 6
² Seperti di klausa 5

CARTA ALIR PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN (SIJIL HACCP DARI KKM ATAU ACB) TANPA PENSAMPELAN



CARTA ALIR PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN (SIJIL HACCP DARI KKM ATAU ACB) YANG MELIBATKAN PENSAMPELAN



Nota
¹ Seperti di klausa 5